

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	LRT, MRT, Monorel terima Pensijilan ISO terkini	BERNAMA
2.	MRT, LRT, Monorel diiktiraf berkelas dunia	Berita Harian Online
3.	LRT, MRT negara berkelas dunia	Kosmo
4.	LRT, MRT Monorel terima pensijilan ISO terkini	Kosmo Online
5.	Kualiti perkhidmatan Rapid Rail bertaraf dunia	Sinar Harian
6.	LRT, MRT, Monorail obtain latest ISO certification	The Sun Daily
7.	Angin kencang bermula esok	Berita Harian Online
8.	Susu selamat tapi tak berkualiti	My Metro
9.	Susu tiruan dirampas tidak ikut kualiti standard Akta Makanan - KKM	Astro Awani

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)



LRT, MRT, Monorel Terima Pensijilan ISO Terkini

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan monorel yang dikendalikan Rapid Rail Sdn Bhd hari ini menerima pensijilan ISO terkini daripada **SIRIM QAS International**, sekali gus mengesahkan kualiti perkhidmatan rel urban negara itu berkelas dunia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Zohari Sulaiman berkata pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 itu menggantikan sijil ISO9001:2008, yang dimiliki Rapid Rail sejak beberapa tahun lepas.

Beliau berkata pengiktirafan daripada badan akreditasi itu mengukuhkan lagi status Rapid Rail dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sebagai penyedia perkhidmatan berkelas dunia berdasarkan pelbagai anugerah antarabangsa yang pernah diterima sepanjang beroperasi.

"Kami di Rapid Rail sentiasa meningkatkan dan memantapkan sistem pengurusan, tahap kemahiran dan kualiti dalam apa jua kami lakukan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan kami. Syarat-syarat untuk sijil baharu ISO9001:2015 adalah jauh lebih ketat, tetapi kami tetap gigih berusaha mencapai piawaian yang diperlukan.

"Bagi saya, pengiktirafan daripada SIRIM QAS International ini amat bermakna kerana keistimewaan badan ini sendiri. Bukan saja ia adalah badan akreditasi nasional yang diiktiraf Jabatan Standard Malaysia, tetapi juga oleh United Kingdom Accreditation Service (UKAS), iaitu badan akreditasi antarabangsa," kata Zohari dalam kenyataan hari ini.

UKAS adalah badan akreditasi yang menilai kewibawaan organisasi yang memberikan perakuan dan pengiktiraf untuk persijilan, ujian, pemeriksaan dan perkhidmatan kalibrasi yang beribu pejabat di Britain.

Pensijilan yang dikeluarkan SIRIM QAS International diiktiraf di 37 negara yang berpayung bawah International Certification Network (IQNet) dan berpengkalan di Switzerland.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY**
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)



DATO' Ir. Zohari Sulaiman menerima sijil ISO9001:2015 daripada Puan Nor'aiza Saim.

MRT, LRT, monorel diiktiraf berkelas dunia

KUALA LUMPUR: Tiga perkhidmatan rel utama negara, mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai memiliki kualiti berkelas dunia apabila menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, hari ini.

Perkhidmatan rel itu adalah Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT) dan monorel.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd, Datuk Zohari Sulaiman, berkata pengiktirafan daripada **SIRIM QAS International** itu mengukuhkan status syarikat itu serta Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) sebagai penyedia perkhidmatan berkelas dunia.

Katanya, pensijilan baharu itu menggantikan sijil ISO 9001:2008, yang dimiliki Rapid Rail sejak beberapa tahun lalu.

"Rapid Rail sentiasa meningkat dan memantapkan sistem pengurusan, tahap kemahiran dan kualiti dalam apa juga yang kami lakukan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan.

"Syarat untuk sijil baru ISO 9001:2015 adalah jauh lebih ketat, tetapi kami tetap gigih untuk mencapai piawaian yang diperlukan.

"Pengiktirafan daripada SIRIM QAS International ini amat bermakna kerana ia bukan saja badan akreditasi nasional yang diiktiraf Jabatan Standards Malaysia, tetapi juga oleh United Kingdom Accreditation Service (UKAS), iaitu badan akreditasi antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan Prasarana di sini, hari ini.

Penganugerahan sijil itu diberikan dalam satu majlis di ibu pejabat Rapid Rail di Subang, hari ini dan turut dihadiri Ketua Pegawai Operasi LRT Laluan Ampang/Sri Petaling, Abdul Hadi Amran serta Ketua Pegawai Operasi LRT Laluan Kelana Jaya, Ismail Abdullah; Pengurus Besar Kanan Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan SIRIM QAS International, Nor'afiza Saim.

Pensijilan yang dikeluarkan SIRIM QAS International diiktiraf di 37 negara di bawah International Certification Network (IQNet) yang berpengkalan di Switzerland.

Zohari berkata, pensijilan itu melengkapi beberapa anugerah antarabangsa lain yang diterima sebelum ini, seperti Anugerah Berlian Antarabangsa bagi Kecemerlangan Kualiti oleh European Society for Quality Research (ESQR) yang diterima Prasarana pada 9 Disember lalu.

Ia dianugerahkan atas kecemerlangan Prasarana menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan metro haji di Arab Saudi.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)**

Terima anugerah persijilan ISO9001:2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LRT, MRT negara berkelas dunia



PERKHIDMATAN MRT yang baru dilancarkan baru-baru ini diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia.

Oleh AZHAR AHMAD

KUALA LUMPUR – Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan monorel yang dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn. Bhd. (Rapid Rail) diiktiraf berkelas dunia selepas menerima persijilan ISO9001:2015 daripada **SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail, Datuk Ir. Zohari Sulaiman (**gambar kecil**) berkata, pengiktirafan daripada badan akreditasi itu telah mengukuhkan

lagi status Rapid Rail dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).

"Kita sentiasa meningkatkan dan memantapkan sistem pengurusan, tahap kemahiran serta kualiti bagi memastikan perkhidmatan berkualiti disediakan kepada para pelanggan."

"Ini kerana syarat-syarat untuk sijil baharu ISO9001:2015 adalah jauh lebih ketat tetapi kita tetap gigih untuk mencapai piawaian yang diperlukan.



"Pengiktirafan daripada SIRIM QAS ini amat bermakna kerana ia bukan hanya selaku badan akreditasi nasional yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia malah badan akreditasi antarabangsa lain iaitu United Kingdom Accreditation Service," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selain menerima persijilan ISO9001:2015, mereka turut menerima pengiktirafan antarabangsa daripada European Society for Quality Research dalam kategori Anugerah Berlian Antarabangsa bagi Kecemerlangan Kualiti di Vienna, 9 Disember lalu buat kali kedua berturut-turut.

**BERITA ONLINE
KOSMO.COM.MY**
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)



LRT, MRT, Monorel terima pensijilan ISO terkini

KUALA LUMPUR - Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan monorel yang dikendalikan Rapid Rail Sdn. Bhd. hari ini menerima pensijilan ISO terkini daripada **SIRIM QAS International**, sekali gus mengesahkan kualiti perkhidmatan rel urban negara itu berkelas dunia.



Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zohari Sulaiman berkata, pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 itu menggantikan sijil ISO9001:2008, yang dimiliki Rapid Rail sejak beberapa tahun lepas.

Beliau berkata, pengiktirafan daripada badan akreditasi itu mengukuhkan lagi status Rapid Rail dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sebagai penyedia perkhidmatan berkelas dunia berdasarkan pelbagai anugerah antarabangsa yang pernah diterima sepanjang beroperasi.

“Kami di Rapid Rail sentiasa meningkatkan dan memantapkan sistem pengurusan, tahap kemahiran dan kualiti dalam apa jua kami lakukan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan kami. Syarat-syarat untuk sijil baharu ISO9001:2015 adalah jauh lebih ketat, tetapi kami tetap gigih berusaha mencapai piawaian yang diperlukan.

“Bagi saya, pengiktirafan daripada SIRIM QAS International ini amat bermakna kerana keistimewaan badan ini sendiri. Bukan saja ia adalah badan akreditasi nasional yang diiktiraf Jabatan Standard Malaysia, tetapi juga oleh United Kingdom Accreditation Service (UKAS), iaitu badan akreditasi antarabangsa,” kata Zohari dalam kenyataan hari ini.

UKAS adalah badan akreditasi yang menilai kewibawaan organisasi yang memberikan perakuan dan pengiktiraf untuk persijilan, ujian, pemeriksaan dan perkhidmatan kalibrasi yang beribu pejabat di Britain.

Pensijilan yang dikeluarkan SIRIM QAS International diiktiraf di 37 negara yang berpayung bawah International Certification Network (IQNet) dan berpengkalan di Switzerland. - Bernama

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (SENTRAL) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Kualiti perkhidmatan Rapid Rail bertaraf dunia



Zohari menerima sijil ISO9001:2015 daripada Pengurus Besar Kanan Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan Sirim Qas International, Nor'afiza Salm, semalam.

SUBANG - Rapid Rail Sdn Bhd menerusi perkhidmatan LRT, MRT dan monorel menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO terkini daripada **Sirim Qas International**, sekaligus mengesahkan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan rel urban negara itu adalah berkelas dunia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Zohari Sulaiman berkata, penerimaan pensijilan ISO9001:2015 itu adalah bagi mengantikan sijil ISO9001:2008 yang dimiliki oleh Rapid Rail sejak beberapa tahun lalu.

"Kami di Rapid Rail sentiasa meningkatkan sistem pengurusan dan tahap kemahiran dalam apa jua kami

lakukan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti kepada para pelanggan kami.

"Syarat-syarat untuk sijil baru ISO9001:2015 adalah jauh lebih ketat tetapi kami tetap gigih untuk mencapai piawaian yang diperlukan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Zohari berkata, pengiktirafan daripada Sirim Qas International ini amat bermakna kerana keistimewaan badan itu sendiri.

"Bukan saja ia adalah badan akreditasi nasional, yang diiktiraf oleh Jabatan Standards Malaysia, tetapi juga oleh badan akreditasi antarabangsa (Ukas) yang menilai kewibawaan organisasi yang memberikan per-

akuhan dan pengiktiraf untuk pensijilan, ujian, pemeriksaan dan perkhidmatan kalibrasi (calibration)," katanya.

Katanya, pengiktirafan yang diterima itu juga mengukuhkan lagi status Rapid Rail dan Prasarana Malaysia Berhad (Prasařana) sebagai penyedia perkhidmatan berkelas dunia berdasarkan pelbagai anugerah-anugerah antarabangsa yang diterima sebelum ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah Ketua Pegawai Operasi LRT Laluan Ampang/Sri Petaling, Abdul Hadi Amran dan Ketua Pegawai Operasi LRT Laluan Kelana Jaya, Ismail Abdullah dan para pegawai tinggi Rapid Rail.

BERITA ONLINE
THESUNDAILY.MY
TARIKH: 29 DISEMBER 2017 (JUMAAT)



LRT, MRT, monorail obtain latest ISO certification



KUALA LUMPUR: The Light Rail Transit (LRT), Mass Rapid Transit (MRT) and monorail services operated by Rapid Rail Sdn Bhd today obtained the latest ISO certification from **SIRIM QAS International**.

Its chief executive officer, Datuk Zohari Sulaiman, said the ISO9001:2015 certification for Quality Management System replaced the ISO9001:2008 certification obtained by the company before.

He said besides the various international awards received since its establishment, the certification had indeed uplifted the status of Rapid Rail and Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) as the world-class rail service provider.

"We at Rapid Rail have always strived to improve and strengthen our management system, level of expertise and quality in everything we do to ensure only the service of high quality are being rendered to our customers."

"The conditions for the new ISO9001:2015 certification are much stricter, but we are happy to have managed to meet the standards," he said in a statement here today.

The certification by SIRIM QAS International is recognised in 37 countries under the International Certification Network (IQNet) based in Switzerland. — Bernama



Angin kencang bermula esok

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran angin kencang Timur Laut bagi perairan Malaysia dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor, bermula esok hingga Rabu depan.

Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut yang dijangka bermula esok hingga Rabu depan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan awal pagi tadi.

Sementara itu, MetMalaysia juga melaporkan angin kencang dan laut bergelora untuk aktiviti perkapalan kategori kedua di perairan timur laut Condore, utara Reef North dan barat laut Palawan akan berlaku bermula esok.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kmsj dengan ombak dijangka mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

"Sehingga lewat pagi ini, ribut petir dijangka berlaku di perairan Selat Melaka, Reef South dan Sulu. Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil, semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," katanya.



Susu selamat tapi tak berkualiti



HASIL analisis Kementerian Kesihatan terhadap susu rumusan yang dirampas di Johor pada 10 Disember lalu mendapat produk berkenaan selamat namun, tidak mencapai standard kualiti ditetapkan terutama dari segi kandungan lemak.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya mendapat produk susu rumusan bayi berkenaan tidak mencapai standard kualiti yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983.

Beliau berkata, kementerian menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan mengambil sampel produk terbabit untuk analisis.

"Sampel produk berkenaan dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah kementerian dan **Jabatan Kimia Malaysia** bagi mengesahkan keselamatan produk berkenaan.

"Kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

Baru-baru ini, KPDKKK Johor berjaya merampas 210 kotak susu rumusan bayi bernilai RM42,000 yang disyaki tiruan di lima lokasi berbeza di Johor Bahru.

Laporan sebelum ini menyebut susu rumusan bayi berkenaan disyaki menggunakan cap dagangan tiruan.

Susu tiruan dirampas tidak ikut kualiti standard Akta Makanan - KKM



Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata produk berkenaan masih lagi selamat. - Foto Astro AWANI / SHAHIR OMAR

KUALA LUMPUR: Sampel daripada 210 kotak susu rumusan bayi tiruan yang dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) di lima lokasi berbeza di Johor tempoh hari didapati tidak mengikut standard kualiti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Bagaimanapun, Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata produk berkenaan masih lagi selamat.

"KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bekerjasama rapat dengan KPDKKK dan telah mengambil sampel produk terbabit untuk analisis oleh Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah KKM dan Jabatan Kimia Malaysia bagi mengesahkan keselamatan produk berkenaan.

Advertisement

"Hasil analisis mendapati produk tersebut adalah selamat. Walau bagaimanapun, produk berkenaan tidak mencapai standard kualiti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di bawah Akta Makanan 1983 iaitu dari segi kandungan lemak," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan hari ini.

Katanya, KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna.

Justeru, pengguna yang mempunyai sebarang kemasukan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat.

Pengguna juga boleh melayari atau melalui laman sesawang [Sistem Pengurusan Aduan Awam \(SisPAA\) KKM](#) atau facebook [Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan \(BKKM\)](#).